

# Memperkukuh industri kenaf

INDUSTRI kenaf di negara ini dijangka dapat diperkukuhkan menerusi kerjasama antara Universiti Putra Malaysia (UPM), Common Funds for Commodities (CFC), Institute of Jute Group (IJSG) dan Pertubuhan Pembangunan Industri Bangsa-Bangsa Bersatu (Unido) untuk melaksanakan projek meningkatkan kecekapan dan pengeluaran kenaf di kalangan petani berskala kecil.

Menteri Perusahaan Peladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah' Kui, berkata sebahagian daripada projek

dengan nilai keseluruhan RM12.18 juta itu dibiayai CFC iaitu RM8.09 juta.

Katanya, daripada jumlah itu, RM4.17 juta diperuntukkan kepada Malaysia menerusi UPM, Lembaga Tembakau Negara (LTN), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan enam syarikat persendirian.

"Projek yang dijangka siap dalam tempoh empat tahun itu dijadual dimulakan suku pertama tahun ini. Projek ini bertujuan membangunkan sistem pengeluaran pokok kenaf dengan lebih cepak, memantapkan sistem



**TINJAU...** Chin (kanan) bersama Pengarah Urusan CFC, Ali Mchumo melihat hasil kraf.

pemprosesan gentian kenaf dan mengkomersialkan produk berasaskan kenaf.

"Ia juga bertujuan menambah kapasiti pengeluaran petani untuk memenuhi permintaan yang ditentukan pengguna industri sama ada dari segi kualiti, kos dan

bekalan berterusan," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian projek 'Increased Production Efficiency in Small-holder Kenaf Production Systems for Specific Applications' di kementerriannya di Putrajaya, semalam.